

# Bergabung dalam industri minyak!

BM 3 JAN 1982

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mencadangkan kelima negara Asean bergabung dalam industri minyak, yang antaranya mengeluarkan alat-alat pembinaan pelantar minyak bagi menyaingi pengusaha barat yang telah lama menguasai bidang tersebut di rantau ini.

Beliau menegaskan, Malaysia atau negara Asean lain, secara perseorangan, tidak mampu mengendalikannya industri jenis

berat ini yang memerlukan modal besar dan kepakaran.

Menurut beliau, jika negara-negara Asean menyertai industri ini secara perseorangan, "hasilnya tidak akan menjadi kudis kepada gergasi-gergasi minyak barat."

Tetapi, tegas beliau, jika kelima negara Asean bergabung dalam industri ini, hasilnya bukan sahaja akan berjaya, tetapi juga dapat bersaing dengan pengusaha barat.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang ditemui selepas melawat K.D. Malaya di Woodlands, pagi tadi, berkata, industri ini perlu diadakan di rantau Asean, bukan sahaja ke-

rana Malaysia dan Indonesia mempunyai telaga minyak dan memerlukan alat-alat ini, tetapi ia boleh juga dieksport sebagai sumber pendapatan negara-negara Asean.

Malaysia dan Singapura, tegas beliau lagi, telah menubuhkan industri ini dalam Syarikat Promet Pte Ltd.

Tapak pembinaan kilang ini telah diperolehi di kawasan 250 ekar, di Teluk Rumania, Johor.

Menurutnya tanah ini telah diberi secara dasar oleh Kerajaan Johor dan kilang ini akan berharga \$50 juta hingga \$200 juta

dalam masa empat tahun pembinaannya.

Singapura memiliki 45 peratus saham syarikat

ini dan bakinya akan diambil oleh Malaysia dan negara-negara Asean lain yang berminat menyertainya.

Katanya, penyertaan Thailand, Indonesia dan Filipina dialu-alukan.

Sementara itu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyangkal dakwaan menyatakan kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan kapal dari syarikat-syarikat perkapalan Malaysia, tidak dihantar untuk dibaiki di Limbungan Perkapalan Malaysia (MSE), di Pasir Gudang.

Dakwaannya ini, tegas beliau, tidak benar, walaupun ada di antara kapal-kapal Malaysia dihantar untuk dibaiki di negara lain, antaranya Singapura.

Ini terjadi, bukan

bererti MSE diabaikan tetapi kerana ketika itu kemampuan MSE kurang.

Jadi, terpaksa dihantar ke limbungan luar negeri untuk dibaiki bagi menyelamatkan masa dan wang.

Kini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, keadaan telah berubah.

MSE keupayaannya dari segi kemudahan dan kepakaran telah ditambah.

Menurut beliau, adalah menjadi dasar kerajaan, mengutamakan limbungan kapalanya sendiri.